iv). **Reputasi**

Menjadi *"role model"* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati masyarakat kampus dan luar.

v). **Personaliti**

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi). **Lain-lain kriteria yang sesuai berdasarkan *niche area* universiti.**

B) Kriteria Khusus

i). Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar;

ii). Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam merekabentuk dan melaksanakan ko-kurikulum berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara holistik;

iii). Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar;

iv). Berpengalaman dalam menguruskan Kolej-kolej Kediaman; dan

v). Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni.

- Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.

8. Cara Memohon : Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan maklumat seperti berikut:

a) *'Curriculum Vitae'* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran passport; dan

b) *'Key Performance Indicator'* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

9. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.